



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)

1. JURUTERA (AWAM) GRED J41/44 (TETAP : 1)

Tangga Gaji RM2,360.00 (Minimum) - RM8,743.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM2,360.00)
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Penempatan Jawatan : Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta, Kampus Gambang dan Kampus Pekan

Keutamaan kepada calon :

- (a) Mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilih)
- (b) Mempunyai kemahiran dalam bidang:
- a. Pembangunan & Pemantauan Projek;
 - b. Kontrak & Perolehan Kerajaan
 - c. Pengubahsuaian, Penyelenggaraan & Perkhidmatan; dan Pentadbiran Am dan Perhubungan Korporat Universiti
- (c) Berpengalaman luas dalam pengurusan projek sekurang-kurangnya 3 tahun
- (d) Mempunyai kemahiran 'Interpersonal'
- (e) Berkebolehan mengurus dan menyelia serta memerlukan penyeliaan yang minimum

2. PUSTAKAWAN GRED S41 (KONTRAK : 1)

Tangga Gaji RM1,909.00 (Minimum) - RM8,644.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan: RM2,112.86) atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Diploma Lulusan Ijazah Sains Perpustakaan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan: RM2,215.07).
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan: RM2,215.07).
 - (d) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,521.70)
- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Penempatan Jawatan : Perpustakaan, Kampus Gambang dan Kampus Pekan

Keutamaan kepada calon :

- (a) Memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia**
- (b) Mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilihan)**

3. PEGAWAI TADBIR GRED N41 (TETAP : 5*)

Tangga Gaji RM1,911.00 (Minimum) - RM 8,646.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM1,911.00); atau
- (b) Ijazah sarjana muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,115.00); atau
- (c) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,216.64);

- dan (d) Keupujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Keutamaan kepada calon :

- (a) **Memiliki Keupujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia**
- (b) **Mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilih)**

Syarat Lantikan Tambahan

*Kekosongan jawatan tertakluk kepada keperluan dari semasa ke semasa

4. PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41 (TETAP :1*)

Tangga Gaji RM1,912.00 (Minimum) - RM 8,647.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM1,912.00); atau
- (b) Ijazah sarjana muda Keupujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,116.00); atau
- (c) Bekas Penolong Penguasa PDRM atau Kapten ATM atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji permulaan: RM1,912.00);
- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - a. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - b. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg (lelaki) dan 46kg (wanita);
 - c. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - d. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - e. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - f. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
 - g. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

- dan (e) Memiliki Kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Penempatan Jawatan : Bahagian Keselamatan, Kampus Pekan dan Kampus Gambang

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)

1. PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 (KONTRAK : 1)

Tangga Gaji RM1,312.00 (Minimum) - RM5,173.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan: RM1,687.59).
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Penempatan Jawatan : Pusat Kesihatan Pelajar, Kampus Gambang dan Kampus Pekan

2. PEMBANTU JURUAUDIT GRED W17 (TETAP : 1)

Tangga Gaji RM929.00 (Minimum) - RM3,377.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
(Gaji permulaan : RM936.00); atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat pertengahan (simpan kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan : RM985.13); atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat tertinggi (perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan : RM1,154.33); atau

- (d) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpanan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan : RM1,436.32);
- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Penempatan Jawatan : Unit Audit & Integriti

3. PEREKA GRED B17 (KONTRAK : 1)

Tangga Gaji RM936.00 (Minimum) - RM3,404.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- i. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan
 - (a) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta kebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau
(Gaji permulaan : RM936.00); atau
 - (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
(Gaji permulaan : RM936.00); atau
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik [Pereka Grafik (*Graphic Designer*)] atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia – Visual (*Multimedia Artist – Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji permulaan : RM1,051.80); atau
 - (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik [Eksekutif Rekaan Grafik (*Graphic Designing Executive*)] atau Perekabentuk Multimedia [Perekabentuk Multimedia – Animasi & Visual (*Multimedia 2 Designer – Animation & Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan : RM1,109.92);
- dan (e) Kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Penempatan Jawatan : Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik)

Keutamaan kepada calon :

- (a) Mahir dalam pengeditan video menggunakan perisian Adobe Premiere atau Lightwork
- (b) Berkeupayaan untuk membuat kerja-kerja *designing*, pengeditan imej foto dan vektor imej menggunakan perisian Adobe Photoshop atau Adobe Illustrator
- (c) Berupaya mengendalikan peralatan asas kamera dan teknik-teknik produksi penggambaran video.
- (d) Mempunyai idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas.

4. PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B17 (KONTRAK : 1)

Tangga Gaji RM936.00 (Minimum) - RM3,404.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta kebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memnuaskan (Gaji permulaan : RM936.00); atau
 - (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan : RM936.00)
- dan (c) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Penempatan Jawatan : Pusat Ko-kurikulum, Kampus Gambang dan Kampus Pekan.

Keutamaan kepada calon :

- (a) memiliki kebolehan bermain muzik (kidbod/piano) dan mempunyai pengalaman dalam persembahan pentas;
- (b) mempunyai sekurang-kurangnya sijil dalam bidang muzik (kidbod/piano).

5. PENYELIA ASRAMA (TETAP : 1)

Tangga Gaji RM928.00 (Minimum) - RM3,375.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan : RM928.00); atau

- (b) Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jururawat atau Perkhidmatan Pendidikan yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
(Gaji permulaan : RM985.13); atau
- dan (c) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan kecuali calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a)(ii) di atas.

Penempatan Jawatan : Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kampus Gambang dan Kampus Pekan

Keutamaan kepada calon :

- (a) Memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia**

6. Pemandu Kenderaan Gred H11 (Kontrak : 1)

Tangga Gaji RM837.00 (Minimum) - RM2,619.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- i. Warganegara Malaysia
 - ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
 - (b) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
- dan (c) berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	RM	896.15
Lesen E/E1/E2	RM	942.30
Lesen F/H	RM	988.45
Lesen G/I	RM	1,034.60

Penempatan Jawatan di Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta, Kampus Gambang dan Kampus Pekan

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara **Tetap / Kontrak**.

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMP, www.ump.edu.my. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Atas Talian (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui laman web UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara atas talian adalah tidak akan dilayan. Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN :

TARIKH BUKA : 17 Ogos 2015.

TARIKH TUTUP : 31 Ogos 2015.

TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN : 7 September 2015.